



## MAJLIS PERBANDARAN PENERANG (MPP)

NO. 7, JALAN KEMPAS 1, TAMAN DESARU UTAMA,  
81930 BANDAR PENAWAR, JOHOR DARUL TAKZIM, MALAYSIA  
Tel : 07-886 2692 Faks : 07-886 2656  
Website : <http://mpppengerang.gov.my/>

MPP/JKB/PSB/07  
Tarikh Kuatkuasa : 01.02.2026

### BORANG PERMOHONAN PERMIT MENDIRIKAN KHEMAH PERTUNJUKAN / KERAJIAN / KEAGAMAAN

( di bawah Undang-Undang Kecil 19, Jadual Pertama Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1986 )

#### BUTIRAN PEMOHON

NAMA : \_\_\_\_\_  
NO. KAD PENGENALAN : \_\_\_\_\_  
ALAMAT : \_\_\_\_\_  
NO. TELEFON / BIMBIT : \_\_\_\_\_

#### BUTIRAN LOKASI

ALAMAT LOKASI : \_\_\_\_\_  
WAKTU MAJLIS BERLANGSUNG : \_\_\_\_\_ BIL. KHEMAH : \_\_\_\_\_  
AKTIVITI / MAJLIS : \_\_\_\_\_ JENIS KEMAH : \_\_\_\_\_  
TARIKH MULA : \_\_\_\_\_ TARIKH TAMAT : \_\_\_\_\_  
JALAN YANG DITUTUP : \_\_\_\_\_ JALAN ALTERNATIF : \_\_\_\_\_

#### SYARAT-SYARAT PERMOHONAN :

1. Permohonan permit khemah hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya **tujuh (7) hari bekerja** sebelum tarikh pemasangan khemah.
2. Permohonan hanya dibenarkan bagi rizab yang diselenggara oleh pihak majlis sahaja dan tidak dibenarkan bagi jalan milik Jabatan Kerja Raya (JKR) serta jalan-jalan utama.
3. Pemohon hendaklah mengemukakan salinan kad jemputan atau surat permohonan rasmi, gambar lokasi tapak atau pelan lakaran perletakan khemah, serta pelan lokasi bagi laluan alternatif kepada pihak majlis.
4. Pemohon hendaklah mendapatkan kebenaran bertulis daripada pemilik premis bersebelahan sekiranya melibatkan kawasan hadapan premis tersebut.
5. Bagi permohonan mendirikan khemah yang melibatkan upacara keagamaan (tokong, pentas wayang Cina dan yang berkaitan), perhimpunan, perarakan atau keraian besar-besaran yang melibatkan orang awam, pemohon hendaklah terlebih dahulu mendapatkan surat kebenaran daripada Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM).
6. Sebarang aktiviti berbentuk hiburan hendaklah dirujuk kepada Pejabat Daerah Kota Tinggi (PDKT).
7. Majlis yang melibatkan penutupan jalan tidak dibenarkan melebihi tempoh tiga (3) hari.
8. Pemohon hendaklah memastikan kebersihan kawasan pemasangan sebelum dan selepas majlis.
9. Aktiviti yang dijalankan tidak boleh menimbulkan risiko keselamatan atau gangguan kepada orang awam dan lalu lintas.
10. Pihak Majlis Perbandaran Pengerang tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kemalangan yang berlaku akibat kegagalan kawalan lalu lintas yang mencukupi. Kawalan lalu lintas hendaklah dilaksanakan oleh anggota RELA yang dilantik dan ditanggung oleh pihak pemohon.
11. Pemohon bertanggungjawab sepenuhnya ke atas sebarang kerosakan infrastruktur awam atau petak parkir yang berpunca daripada pemasangan khemah di tapak.
12. Permohonan ini akan terbatal serta-merta sekiranya didapati terdapat maklumat palsu atau dokumen yang dipalsukan.
13. Pemasangan khemah hanya boleh dilaksanakan setelah bayaran dijelaskan sepenuhnya dan kelulusan diperoleh daripada pihak majlis.
14. **Kompaun** boleh dikenakan sekiranya pemohon melanggar mana-mana syarat atau peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa.

## DOKUMEN SOKONGAN

| NO | DOKUMEN SOKONGAN                                                                                                                      | PEMOHON<br>(√) | JKB (√) |
|----|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------|---------|
| 1  | Satu (1) Salinan Kad Jemputan atau Surat Permohonan Secara Rasmi                                                                      |                |         |
| 2  | Satu (1) Salinan Gambar Tapak atau Pelan Lakaran Perletakan Khemah                                                                    |                |         |
| 3  | Satu (1) Salinan Pelan Lokasi Untuk Laluan Alternatif<br>(Imej boleh diperolehi melalui tangkapan skrin daripada paparan Google Maps) |                |         |
| 4  | Surat Kebenaran Daripada Pemilik Premis Bersebelahan (Jika Berkaitan)                                                                 |                |         |
| 5  | Surat Sokongan Daripada PDKT / PDRM / MKN (Jika Berkaitan)                                                                            |                |         |

## KADAR BAYARAN

| NO | JENIS AKTIVITI    | LOKASI                                | BAYARAN                | PEMOHON<br>(√) | JKB (√) |
|----|-------------------|---------------------------------------|------------------------|----------------|---------|
| 1  | MAJLIS<br>KERAIAN | BERHADAPAN PREMIS<br>/ KAWASAN LAPANG | RM 50.00 X JUMLAH HARI |                |         |
|    |                   | PERUMAHAN                             | RM 50.00 / PERMOHONAN  |                |         |
| 2  | KEAGAMAAN         | LUAR RUMAH IBADAT                     | RM 20.00 X JUMLAH HARI |                |         |

## UNTUK DIISI OLEH PEMOHON

Saya mengaku dan mengesahkan bahawa segala butir-butir dan keterangan yang dibuat untuk permohonan permit sementara mendirikan khemah / DLL di atas adalah benar dan akan mematuhi segala syarat-syarat sepertimana di atas dan arahan Majlis Perbandaran Pengerang dari semasa ke semasa.

Saya akan bertanggungjawab sekiranya pihak MPP mendapati apa-apa binaan atau bahagian yang didirikan tidak mematuhi kebenaran dan bersedia menerima apa-apa tindakan oleh Majlis Perbandaran Pengerang mengikut Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133).

Nama : .....

No Kad : .....

Pengenalan : .....

\*Tandatangan : .....

Tarikh : .....

\*Cap Syarikat : .....

*\*Tandatangan, nama, dan (untuk syarikat) cop pemohon*

**KEGUNAAN PEJABAT**

**NO FAIL PERMIT :** \_\_\_\_\_

**TARIKH MOHON :** \_\_\_\_\_

**Ulasan Penolong Pegawai Senibina / Penolong Jurutera :**

---

---

---

---

---

.....

Jabatan Kawalan Bangunan  
Majlis Perbandaran Pengerang

**Kelulusan Pegawai :**

---

---

---

---

---

**DILULUSKAN OLEH :**

.....

**PEGAWAI / KETUA JABATAN**  
Jabatan Kawalan Bangunan  
Majlis Perbandaran Pengerang